KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	03.02.22 (SELASA)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	PERHILITAN			

Sebagai langkah berjaga-jaga dipercayai harimau belang berkeliaran di kawasan terbabit

Ancaman harimau: Hutan Lipur Air Terjun Menderu ditutup

Oleh NORHASPIDA YATIM

KEMAMAN

Kawasan rekreasi di Hutan Lipur Air Terjun Menderu di Kampung Chabang, Kerteh di sini ditutup sementara kepada semua pengunjung sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan ancaman harimau belang yang dipercayai berkeliaran di kawasan itu.

Menurut Jabatan Perhutanan Terengganu, penutupan kawasan itu berkuat kuasa bermula 1 Februari sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

"Taman Eko-Rimba Air Menderu tidak dibenarkan beroperasi dan ditutup kepada pengunjung awam atas faktor keselamatan," katanya melalui notis berkenaan.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Chabang, Ahmad Thalhah Ubaidillah Amri berkata, kawasan itu ditutup bagi mengelak kejadian tidak diingini ekoran serangan harimau berdekatan kawasan itu sejak awal Januari lalu.

Katanya, sehingga kini dua ekor lembu dua ekor anjing milik penternak di kawasan itu telah dibaham binatang buas berkenaan.

"Ada penduduk mendakwa terjumpa harimau berhampiran kawasan perkelahan ini selepas dua ekor anjing milik penternak dan pekebun di kawasan ini dibaham," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Rabu.

Beliau berkata, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) memasang sebuah perangkap untuk menangkap harimau sejak tiga minggu lalu.

"Polis turut membuat pemantauan di kawasan ini dari masa ke semasa bagi memastikan pengunjung tidak berkelah di kawasan ini," katanya.



Notis penutupan akibat ancaman harimau ditampal pada pintu masuk Kawasan rekreasi di Hutan Lipur Air Terjun Menderu di Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman.

FOTO: IHSAN PEMBACA


Kesan tapak kaki harimau dianggarkan sebesar enam inci ditemui di kawasan rekreasi itu.

LAPORAN MUKA DEPAN